

**Himpunan Oren Di Masjid Wilayah Persekutuan Dilarang
Bernama
11 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Polis tidak membenarkan Himpunan Oren Selamatkan Felda di Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta pada Sabtu ini berikutan lokasi itu tersenarai sebagai tempat larangan mengikut Akta Perhimpunan Aman 2012.

Ketua Polis Daerah Sentul ACP Zakaria Pagan berkata penggunaan Jalan Duta bagi tujuan perarakan menuju ke Istana Negara juga tidak dibenarkan atas sebab-sebab keselamatan.

"Penganjur juga telah dimaklumkan bahawa Istana Negara diwartakan sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959," katanya dalam kenyataan di sini. Zakaria berkata perkara berkenaan sudah dimaklumkan kepada penganjur dalam pertemuan pada Jumaat (6 Julai) dan Isnin (9 Julai) lepas.

Penganjur, Gerakan Selamatkan Felda (GSF), berhasrat mengadakan perhimpunan pada pukul 2 petang Sabtu ini dan meminta peserta perhimpunan berhimpun di Masjid Wilayah Persekutuan sebelum berarak ke Istana Negara melalui Jalan Duta.

Himpunan Oren itu kononnya bertujuan menyerahkan memorandum bantahan kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berhubung penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGV) di Bursa Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679837>